



27 Jul 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: MUHAMMAD FAIZ SULONG • Section: Nasional • Page: 36
Printed Size: 206.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 3,514.00 • PR value: MYR 10,542.00 • Item ID: MY0026595296

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Solat hajat tanda protes konsert

Perkid bantah konsert Selena Gomez

■ MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM – Seramai 35 ahli Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (Perkid) berkumpul di perkarangan Stadium Tertutup Melawati, menyatakan bantahan secara aman sepanjang konsert Selena Gomez berlangsung, kelmarin.

Mereka mula berkumpul sekitar jam 7.30 malam dan melakukan solat hajat serta bacaan surah Yasin bagi menyuarakan bantahan terhadap penganjuran konsert itu yang dilihat tidak sesuai untuk masyarakat Malaysia, selain membidas Kerajaan Selangor yang meluluskan konsert itu.

Presiden Perkid Malaysia, Masridzi Sat berkata, pihaknya hanya melakukan apa yang dirasakan menjadi tanggungjawab mereka tanpa ada kepentingan apa-apa.

Beliau berkata, kehadiran pihaknya mewakili suara mereka yang menolak konsert se-



Solat hajat ketika konsert berlangsung.

perti itu diadakan.

"Kami sekadar jalankan tugas dan tanggungjawab kami. Jika diteliti, Selena Gomez bukanlah seorang artis yang bagus dari segi akhlak dan moral, lantas menjadikannya ikon yang tidak sesuai untuk disajikan kepada anak muda kita.

"Kami melihat penganjuran konsert ini menjurus kepada gejala maksiat dan tidak sihat," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri seharusnya mencari ikon atau model yang lebih baik akhlak dan moralnya untuk sajian masyarakat bukannya yang menjurus ke arah

kemungkaran.

Katanya, jangan disebabkan kemungkaran seperti ini, ALLAH menurunkan bala kepada negeri ini.

"Apa sekalipun, kami faham penganjuran konsert ini mendapat kelulusan dan sedang berlangsung di dalam.

"Kehadiran kami untuk suarakan bantahan pun secara aman dan dapat kelulusan. Kami bersolat hajat dan baca Yasin," katanya.

Selain Perkid, beberapa wakil daripada Pertubuhan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia (Aswaja) turut hadir memberi sokongan.



27 Jul 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: | FOTO: AFIQ RAZALI • Section: Nasional • Page: 36 • Printed Size: 156.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,661.00
PR value: MYR 7,983.00 • Item ID: MY0026595297



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Jamin bekalan air cukup



Mohamed Azmin melihat penggantian paip air di 12 kawasan yang sering mengalami gangguan bekalan air akibat paip pecah atau bocor.

■ FOTO: AFIQ RAZALI

AMPANG - Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi memberi jaminan bahawa bekalan air terawat kepada rakyat di negeri ini mencukupi. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan negeri juga tidak mahu melaksanakan catuan bekalan air.

"Walaupun ia mengundang risiko besar, saya berani ambil keputusan itu kerana melihat pengurusan air di negeri ini yang cekap," katanya. Menurutnya, kerajaan negeri juga melakukan pemeriksaan ke atas loji rawatan air di negeri ini.

Beliau berkata, jika ada keperluan penambahan pihaknya akan memberikan perhatian supaya loji tersebut dapat beroperasi dengan selamat tanpa gangguan.

"Sebahagian besar loji ini usianya agak lanjut. Kami sedang teliti aspek struktur, keupayaan teknikal dan sistem pemprosesan setiap loji itu agar loji berkenaan dapat dikenal pasti kapasiti atau tahap keupayaannya untuk memproses air terawat," katanya pada majlis Pelancaran Program Penggantian Paip Air Lama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya 2016, di Taman Melawati, semalam.



Tiada catuan air

Kerajaan Selangor sekali
lagi beri jaminan bekalan air
terawat kepada rakyat
di negeri ini mencukupi

36

Jamin bekalan air cukup



Mohamed Azmin melihat penggantian paip air di 12 kawasan yang sering mengalami gangguan bekalan air akibat paip pecah atau bocor.

■ FOTO: AFIQ RAZALI

AMPANG - Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi memberi jaminan bahawa bekalan air terawat kepada rakyat di negeri ini mencukupi. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan negeri juga tidak mahu melaksanakan catuan bekalan air.

"Walaupun ia mengundang risiko besar, saya berani ambil keputusan itu kerana melihat pengurusan air di negeri ini yang cekap," katanya. Menurutnya, kerajaan negeri juga melakukan pemeriksaan ke atas loji rawatan air di negeri ini.

Beliau berkata, jika ada keperluan penambahan pihaknya akan memberikan perhatian supaya loji tersebut dapat beroperasi dengan selamat tanpa gangguan.

"Sebahagian besar loji ini usianya agak lanjut. Kami sedang teliti aspek struktur, keupayaan teknikal dan sistem pemprosesan setiap loji itu agar loji berkenaan dapat dikenal pasti kapasiti atau tahap keupayaannya untuk memproses air terawat," katanya pada majlis Pelancaran Program Penggantian Paip Air Lama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya 2016, di Taman Melawati, semalam.

Cari jalan tarik orang ramai guna Bas Smart Selangor

BANTING-Penggunaan perkhidmatan Bas Smart Selangor perlu ditingkatkan berikutan bilangan penumpang hanya enam hingga 16 penumpang dalam kekerapan sehala sehari.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, sejak dua bulan pelaksanaannya, hanya 16,230 penumpang mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Menurutnya, laluan sepanjang 48.2 kilometer dari Bazaar Banting ke ERL Salak Tinggi itu dilihat perlu lebih dipromosikan dalam usaha menarik minat pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan bus secara percuma.

"Saya nampak sambutan-pengguna sejak Mei hingga 21 Julai agak sederhana dan untuk itu promosi perlu dipergiatkan lagi.

"Usaha pelbagai pihak memberi cadangan bemas perlu bagi menarik minat ma-

syarakat memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan," katanya dalam Mesyuarat Penuh MDKL, Bilangan 6, 2016 di Bilik Cempaka Kuning, MDKL, semalam.

Mohd Azhar berkata, pada Mei, seramai 1,926 penumpang mendapatkan perkhidmatan Bas Smart Selangor di daerah ini berbanding 7,491 pada Jun dan 6,813 untuk Julai.

Dalam pada itu, beberapa wakil ahli majlis turut dilihat memberi cadangan dalam usaha menambah baik penggunaan Bas Smart Selangor, semalam.

Bagi Ahli Majlis, Ab Rahman Amir berkata, beliau mengakui laluan yang dicadangkan itu sebenarnya masih kurang mendapat sambutan berikutan kebanyakan pengguna lebih gemar menggunakan kenderaan sendiri berbanding pengangkutan awam walaupun percuma,



Antara ahli majlis yang hadir pada Mesyuarat Penuh MDKL, semalam.

Katanya, beliau menyarankan satu usaha baru dapat diwujudkan seperti feeder bus, pengangkutan bagi membawa pelajar sekolah atau menyediakan perkhidmatan perjalanan dari sekolah ke sekolah.

"Usaha ini memberi ke-lainan dalam mewujudkan perkhidmatan bus Smart Selangor.

"Saya fikir ini cadangan baik dan dapat menumpukan

sasaran yang benar-benar memanfaatkan perkhidmatan ini," katanya.

Bagi Ahli Majlis, Hairul Nizam Tohar, beliau mahu MDKL menyediakan peratusan dan keral pasti sasaran pengguna yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor bagi membantu melihat keberkesanan penggunaannya.

Katanya, ia salah satu

cara mengetahui golongan mana yang menggunakan perkhidmatan itu selain menangkis tanggapan masyarakat ia dimonopoli satu golongan sahaja.

Dalam pada itu, Dr Yahya Baba turut mencadangkan laluan asal yang dicadangkan itu perlu diteliti semula supaya benar-benar memberi impak kepada masyarakat.

Katanya, laluan seperti di

Kolej Mara Banting dilihat tidak perlu tetapi menggantikan laluan utama di Bukit Changgang kerana ia merupakan laluan tumpuan.

"Bagaimanapun ia perlu mendapat persetujuan semua pihak bagi merealisasikan.

"Kita faham kebanyakan laluan sudah mempunyai bus pesaing tapi mungkin boleh ditambah sebagai alternatif," katanya.



Kena bangunkan cepat

Kerajaan negeri akan ambil semula tanah tidak dimanfaatkan untuk pembangunan

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

PUCHONG - Kerajaan Selangor akan mengambil semula tanah yang dianugerahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembinaan sekolah jika kementerian berkaitan tiada perancangan membangunkan institusi pendidikan di tapak berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pihaknya mengenal pasti terdapat banyak tanah diluluskan kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembinaan kemudahan awam termasuk hospital dan sekolah namun ia belum dibangunkan melebihi tempoh 10 tahun.

Dalam keputusan



Mesyuarat Kerajaan Negeri lalu, pihaknya memutuskan setiausaha kerajaan negeri mengadakan pertemuan dengan pihak kementerian pendidikan untuk mendapatkan maklum balas berhubung perkara itu.

"Kita nak tahu adakah kementerian sudah mempunyai

“ Apa yang dibimbangkan terdapat tanah dijual kerajaan persekutuan kepada pihak swasta bagi tujuan komersil sedangkan ia diberi untuk tujuan rakyat dan sebagai tapak pembinaan kemudahan awam.” - Azmin Ali

perancangan pembangunan sekolah di atas tanah dianugerahkan kerajaan negeri atau sebaliknya. Kalau tiada perancangan, kita akan ambil semula tanah tersebut untuk bina kemudahan awam atau kekalkan sebagai kawasan lapangan,” katanya.

Menurutnya, apa yang

dibimbangkan terdapat tanah dijual Kerajaan Persekutuan kepada pihak swasta bagi tujuan komersil sedangkan ia diberi untuk tujuan rakyat dan sebagai tapak pembinaan kemudahan awam.

“Kita tidak mahu perkara ini berulang. Tanah diberi tetapi dijual,” katanya.

Beliau sebelum itu berkata, pihaknya tidak mempunyai kuasa mendirikan sekolah di tapak tanah tersebut kerana ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Bagaimanapun katanya, pihaknya sedia memberi kerjasama kepada kementerian dengan menyediakan tapak untuk pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah.



27 Jul 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 37 • Printed Size: 161.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,746.29
PR value: MYR 8,238.87 • Item ID: MY0026595299



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Sokong ambil semula tanah

PUCHONG - Adun Kinrara, Ng Sze Han, menyokong kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berhubung pengambilalihan semula tanah yang dianugerahkan kerajaan negeri tetapi tidak digunakan kerajaan persekutuan.

Berdasarkan kenyataan Mohamed Azmin sebelum ini, Sze Han berkata, terdapat banyak tanah yang diluluskan kepada kerajaan persekutuan, namun tidak dibangunkan.

Perkara itu katanya, menimbulkan pelbagai kesan merugikan rakyat tambahan pula ada sesetengah tanah dicerobohi, berlaku aktiviti pembuangan sampah secara haram dan pembakaran terbuka.

Terdapat juga kawasan terbiar menjadi sarang penagihan dadah.

"Tanah diluluskan kepada kerajaan persekutuan yang tidak diselenggarakan dengan baik, merosakkan pemandangan

dan memberi masalah serta kesan negatif kepada penduduk sekitar bila tempat itu dipenuhi semak.

"Di Puchong misalnya, tanah lapang di Taman Kinrara, Seksyen 4, menjadi tempat timbunan sampah. Tanah kosong bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu 8 Puchong juga tidak diselenggarakan Kementerian Pelajaran hingga dipenuhi semak-samun dan kejadian kebakaran kerap berlaku di tapak tersebut," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) menjalankan operasi pembersihan di tapak, namun masalah berlarutan kerana tanah tidak diurus dengan baik.



SZE HAN

Menurutnya, kegagalan dan keengganan kerajaan pusat membangunkan tanah tersebut menyebabkan pembaziran yang menjejaskan ekonomi negara.

"Sebab itu saya sambut baik cadangan menteri besar untuk ambil alih kembali tanah yang tidak terurus. Saya yakin sebagai sebuah negeri yang menerajui ekonomi dan dilengkapi dengan kekuatan

rizabnya, kerajaan negeri mampu membangunkan tanah untuk memberi manfaat kepada rakyat.

"Lebih banyak kemudahan awam serta infrastruktur dapat dibina termasuk padang, taman permainan, balai masyarakat atau rumah mampu milik," katanya.



27 Jul 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 37 • Printed Size: 153.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,609.83
PR value: MYR 7,829.49 • Item ID: MY0026595300



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Hentian bas USJ 2 siap dinaik taraf

SUBANG JAYA – Hentian bas di USJ 2 yang dulunya tidak mampu menampung jumlah penumpang yang terlalu sesak kini dinaik taraf bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada orang ramai.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh Tseow Suan berkata, struktur tambahan sepanjang enam meter dibina, malah tangga dan besi pengadang keselamatan turut dipasang.

Menurutnya, projek sudah siap sepenuhnya membabitkan kos hampir RM20,000 menggunakan peruntukan Adun Subang Jaya.

“Hentian bas ini terlalu sesak terutama pada waktu puncak, dalam satu-satu masa jumlah yang menunggu di sini hampir 50 orang.

“Ia menjadi tempat teduhan pelajar kolej swasta berhampiran dan penduduk yang ingin mengambil bas menuju ke Sunway dan Kuala Lumpur,” katanya.

Hannah Yeoh berkata, projek itu adalah hentian bas ketiga yang dinaik taraf selepas hentian bas di SS16 dan SS19/7.

Katanya, beliau menggunakan peruntukan Adun untuk menaik taraf kemudahan yang paling banyak digunakan masyarakat.

“Tahun ini pihak kami memilih naik taraf hentian bas berbanding padang permainan yang dilakukan tahun-tahun sebelumnya.

“Bagi projek ini, kita tambah peruntukan RM5,000 lagi bagi pembinaan tangga dan palang besi keselamatan untuk elak penumpang terjatuh kerana kedudukan hentian agak tinggi berbanding jalan perumahan,” katanya.



Hentian bas yang sudah dinaik taraf dan kini lebih selesa digunakan.



27 Jul 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 48.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 473.00
PR value: MYR 1,419.00 • Item ID: MY0026595302

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

5,462 kes denggi direkodkan

SUBANGJAYA - Sebanyak 5,462 kes denggi di rekod di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) hingga minggu ke-25 tahun ini.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, jumlah kes menunjukkan penurunan jika dibandingkan tempoh sama tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, bilangan kes tidak menentu kerana terdapat peningkatan kes

bermula minggu ke-23 (169 kes) dan minggu ke-24 (198 kes).

"Pada minggu lalu, jumlah kes menunjukkan penurunan semula kepada 173 kes," katanya.

Beliau berkata, 20 kawasan panas demam denggi direkodkan iaitu tiga di Subang Jaya, dua di zon Kinrara, 11 di zon Seri Serdang dan empat lagi di zon Seri Kembangan.



MPAJ kesan sijil palsu

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengesan seorang pemilik premis makanan yang memiliki Sijil Premis Bersih palsu.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya mengesan kes tersebut pada 16 Jun lalu, di sebuah premis di Taman Seraya, ketika melakukan pemeriksaan.

"Kita mendapati premis berkenaan hanya berstatus Gred C, namun sijil yang ditunjukkan kepada kita adalah gred A.

"MPAJ tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada pihak yang tidak bertanggungjawab atau kakitangan yang terlibat dengan kes ini," katanya.

Beliau menegaskan pemilik premis hendaklah mematuhi prosedur permohonan lesen dan garis panduan pengendalian makanan yang telah ditetapkan.



ABD HAMID

"Kita tidak pernah melantik pihak lain mengeluarkan Sijil Premis Bersih. Masyarakat boleh terus menghubungi MPAJ untuk maklumat lanjut," katanya.

Dalam perkembangan lain, MPAJ telah memeriksa 483 premis makanan sejak Januari hingga 30 Jun lalu.

Abd Hamid berkata, sebanyak 93 premis adalah Gred A.

"Sebanyak 282 premis adalah Gred B, 104 premis berstatus Gred C dan empat premis tiada gred," katanya.

Beliau berkata, senarai premis berstatus Gred C dan tiada gred telah dikemukakan kepada Pejabat Kesihatan Daerah Gombak dan Hulu Langat untuk tujuan Ops Penutupan Premis Makanan Tak Suci.

"Kita berharap masyarakat di Ampang Jaya mendapatkan makanan di premis makanan yang ada gred," katanya.

Headline	KAUNTER BERGERAK MPSJ		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	37 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 731
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,194



KAUNTER BERGERAK MPSJ

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ) akan membuka kaunter bergerak di Giant Seri Kembangan pada Sabtu dan Ahad ini.

MPSJ memaklumkan, pelbagai perkhidmatan disediakan termasuk semak dan bayar cukai taksiran, daftar keahlian ahli my@mpsjs dan semak dan bayar kompaun trafik.

Kaunter akan dibuka pada pukul 10 pagi hingga 6 petang.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) (Majlis Perbandaran Subang	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	RUMAH TERBUKA MBPJ		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	49 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 968
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,905



RUMAH TERBUKA MBPJ
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA akan menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri bertempat di pekarangan tempat letak kereta, Dewan Sivik MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, pada 1 Ogos ini.

MBPJ memaklumkan majlis akan bermula pada pukul 3 petang hingga 6 petang. Pelbagai juadah enak menanti tetamu sepanjang sambutan diadakan.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) (Majlis Bandaraya Petaling	4	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	SAMBUTAN AIDILFITRI MDHS		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	39 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 771
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,312



SAMBUTAN AIDILFITRI MDHS
 PENDUDUK Hulu Selangor dipelawa memeriahkan sambutan Rumah Terbuka Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) bertempat di pekarangan MDHS, Kuala Kubu Bharu, pada Khamis ini.

MDHS memaklumkan, orang ramai digalakkan membawa pinggan, mangkuk, cawan dan sudu sendiri bersempena kempen kitar semula yang diperkenalkan pihak berkuasa tempatan itu.

Majlis akan bermula pada pukul 10 pagi hingga 3 petang.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Daerah Hulu Selangor (Majlis Daerah Hulu Selangor)	1	0	RM 0
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pihak Berkuasa Tempatan (PBT))	2	0	RM 0
Pihak Berkuasa Tempatan Selangor (Pihak Berkuasa Tempatan	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Selangor tukar status hutan warisan dunia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,528
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,584



Selangor tukar status hutan warisan dunia

KUALA LUMPUR 26 Julai - Kerajaan negeri Selangor didakwa menukar status tanah lot 68504 di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat seluas 619 hektar yang sebelum ini berstatus pertanian terhadap kepada pembangunan meskipun tanah tersebut terletak dalam kawasan diisytiharkan sebagai hutan warisan dunia.

Ketua Penyelaras Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shahrin berkata, berdasarkan dokumen, Malaysia telah menandatangani perjanjian Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa (Ramsar) pada 1995 sekali gus berikrar untuk

melindungi Paya Indah Wetland di mana tanah tersebut terletak dalam kawasan terba-bit.

“Bagaimanapun, kerajaan negeri Selangor telah meluluskan pindaan status itu dalam mesyuarat jawatankuasa tanah peringkat negeri pada hujung tahun lalu.

“Tetapi empat bekas Menteri Besar Selangor sebelum ini telah menolak permohonan penukaran status tanah itu. Persoalannya mengapa sekarang ia dilu-

luskan?... walhal kali terakhir permohonan itu dibuat turut ditolak oleh Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim,” katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Ditanya sejauh mana kesahihan dakwaan itu, Badrul Hisham memaklumkan, pihaknya telah melakukan carian

rasmi di Pejabat Tanah dan Daerah dan mendapati pindaan status pada geran telah selesai dilakukan pada April lalu.

“Tanah ini dimiliki oleh sebuah syarikat swasta sejak 1994 dan syarikat berkenaan beberapa kali cuba menukar status tanah dan ditolak sejak itu atas alasan sama iaitu sebarang usaha pembangunan akan menjejaskan kawasan warisan dunia itu.

“Sebab itu semua empat bekas Menteri Besar terdahulu menolak permohonan berkenaan bagi memastikan kawasan tersebut kekal terpelihara,” ujarnya.

Menurut Badrul Hisham, Paya Indah Wetlands itu merupakan antara enam kawasan hutan yang diisytiharkan sebagai hutan warisan dunia di bawah perjanjian Ramsar itu.

Headline	Selangor tukar status hutan warisan dunia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,528
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,584



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Department Of Wildlife and National Parks (DWNP) (Department Of	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	3	0	RM 0
Selangor State Government (Selangor State Government)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Nafi bantah naik taraf dewan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	89 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,775
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,325



SELANGOR

Nafi bantah naik taraf dewan

KLANG 26 Julai - Pihak pengurusan tertinggi Kelab Sukan Dan Sosial Majlis Perbandaran Klang (MPK) menafikan dakwaan kelab berkenaan menentang kerja-kerja naik taraf Dewan Hamzah.

Timbalan Presidennya, Zaireezal Ahmad Zainuddin berkata, sebaliknya pihak kelab sentiasa menyokong dan berdiri teguh di belakang pihak pengurusan majlis dalam usaha menaik taraf dewan berkenaan.

“Dakwaan yang dilemparkan itu terlalu serius dan tidak berasas serta dilihat sebagai satu cubaan sabotaj terhadap kepimpinan tertinggi kelab dengan pihak pengurusan.

“Pihak kelab sentiasa menyokong kepimpinan Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin yang sentiasa komited dalam pembangunan sukan termasuk usaha menaik taraf dewan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Zaireezal, walaupun kerja-kerja menaik taraf giat Dewan Hamzah dijalankan, ahli-ahli kelab dibenarkan bermain di Dewan Teluk Pulai dan Dewan Sri Andalas secara percuma bagi sukan badminton dan sepak takraw.

Katanya, permohonan menggunakan dewan itu diluluskan Jabatan Kemasyarakatan MPK.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0
Malaysia Domestic League Sepak Takraw (Malaysia Domestic League	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	GELANGGANG FUTSAL		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	47 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 937
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,811



GELANGGANG FUTSAL
MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM telah membuka gelanggang futsal untuk disewa kepada pihak yang berminat.
MDSB memaklumkan caj dikenakan adalah berbeza mengikut hari dan waktu perkhidmatan.
Caj dikenakan pada hari biasa Isnin hingga Jumaat bermula pukul 8 pagi hingga 7 petang adalah sebanyak RM30 bagi setiap satu jam, pukul 8 malam hingga 12 tengah malam (RM40), manakala 12 tengah hari ke atas (RM60).
Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat MDSB di talian 03 32241655 sambungan 167.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MOnly (_MOnly)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



27 Jul 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: Asmah Rusman • Section: Setempat • Page: 12 • Printed Size: 479.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 18,797.00
PR value: MYR 56,391.00 • Item ID: MY0026594799

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 3

67 rumah lanyak tanah kerajaan

■ Penduduk Kampung Boyan beli lot kecil secara tidak sah daripada syarikat pemaju

Asmah Rusman
dan Asrizal Aris
am@hmetro.com.my

Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat (PDTHL) mendapati 67 bangunan kediaman seluas hampir dua hektar di Kampung Boyan, Batu 12, Jalan Kuari Sungai Long, di sini, dibina tanpa kebenaran di atas tapak yang dibeli secara tidak sah.

Pegawai Daerah PDTHL, Zulkefli Khalid berkata, siasatan mendapati penduduk setempat Kampung Boyan membeli lot kecil tanah secara tidak sah daripada syarikat pemaju perumahan sejak Disember 2001.

"Dimaklumkan Lot 1741 (Kampung Boyan) pernah diluluskan kerajaan negeri bagi permohonan pelupusan tanah kepada sebuah syarikat yang bertanggungjawab menyediakan infrastruktur perumahan kepada penduduk setempat.

"Selepas dipercayai tapak dipindah milik, borang 5A (akujanji pindahmilik) dikeluarkan kepada pemohon

pada November 2004 bagaimanapun tiada sebarang maklum balas dan premium juga tidak dibayar sehingga tempoh luput.

"Berdasarkan siasatan, penduduk di situ didapati membeli lot tanah itu. Bagaimanapun jual beli tapak terbabit dianggap tidak sah memandangkan tanah berkenaan berstatus tanah kerajaan," katanya.

Zulkefli mengakui ada beberapa tanah kawasan di daerah Hulu Langat yang dijual kepada warga asing bagaimanapun pihaknya tidak mempunyai maklumat keseluruhan pemilikan tanah warga asing kerana urusan pindah milik tanah tidak sah itu tidak didaftarkan.

"Warga asing boleh membeli hartanah kediaman berdasarkan syarat paras harga minimum yang ditetapkan iaitu RM2 juta bagi hartanah di zon 1 dan zon 2 manakala RM1 juta bagi zon 3.

"Isu di Kampung Boyan

ini, pihak kami mengesyorkan setiap urusan jual beli hartanah dibuat semakan hak milik terlebih dulu bagi memastikan urusan niaga dibuat selaras dengan Kanun Tanah Negara," katanya.

Katanya, urusan niaga berkaitan tanah berstatus Tanah Rizab Melayu secara khusus perlu mematuhi kriteria dan definisi Pemilikan Melayu seperti ditetapkan dalam enakmen.

Sementara itu, seorang penduduk tempatan yang tinggal di Taman Bukit Sekawan bersebelahan Kampung Boyan mengakui mereka tidak selesa dengan penguasaan pendatang Indonesia berhampiran tempat tinggal mereka.

Dia yang hanya mahu dikenali sebagai Wan, 40, menggesa pihak berkuasa PDTHL menyiasat kegiatan serta pengesahan tapak perkampungan warga asing itu kerana bimbang menda tangkan pelbagai implikasi.

Menurutnya, Kampung

Boyan asalnya bukit batu dan hanya wujud beberapa rumah tumpangan sahaja.

"Saya terkejut apabila kelompok mereka (Indonesia) kira-kira dua puluh tahun lalu hanya beberapa orang sahaja, kini menjadi sekampung yang masing-masing menghuni rumah dua hingga tiga tingkat.

"Lebih mengejutkan, mereka membina rumah bermodalkan RM40,000 itu tanpa berhenti setiap tahun. Kalau pergi ke sana (Kampung Boyan) pasti ada rumah baru dibina," katanya.

Menurutnya, selain rumah kelas atasan yang dibina di cerunan bukit itu, penduduk di situ juga mempunyai beberapa kereta mewah yang diletakkan di hadapan rumah mereka.

"Saya tidak tahu apa pekerjaan mereka. Warga Indonesia yang tinggal di negara ini semakin mewah dan mampu memiliki harta mengalahkan rakyat tempatan," katanya.



Saya tidak tahu apa pekerjaan mereka. Warga Indonesia yang tinggal di negara ini semakin mewah dan mampu memiliki harta mengalahkan rakyat tempatan"

Wan



27 Jul 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: Asmah Rusman • Section: Setempat • Page: 12 • Printed Size: 479.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 18,797.00
PR value: MYR 56,391.00 • Item ID: MY0026594799

isentia mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 2 of 3

Info

SYARAT PERMOHONAN WARGA ASING MEMILIKI HARTANAH

(dikuat kuasa 1 September 2014)

- Kuota jualan tidak melebihi 10 peratus daripada kuota bukan Bumiputera yang ditetapkan pihak berkuasa negeri dan tidak dibenarkan sama sekali untuk kuota Bumiputera.
- Bagi bangunan kediaman paras harga minimum adalah RM2 juta untuk zon 1 dan zon 2 manakala RM1 juta bagi zon 3.
(Zon 1 merangkumi Daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat, Sepang dan Klang manakala Zon 2 adalah Kuala Selangor dan Kuala Langat manakala bagi kawasan di bawah zon 3 adalah Hulu Selangor dan Sabak Bernam)
- Hartanah adalah terhadap jenis strata sahaja termasuk 'landed strata.'
- Bagi bangunan perniagaan paras harga minimum adalah RM3 juta untuk hartanah zon 1, 2 dan 3.
- Kategori tanah yang tidak dibenarkan adalah tanah pertanian, tanah rizab Melayu dan perolehan secara lelongan awam.
- Permohonan pindah milik atas balasan kasih sayang keluarga terdekat yg mempunyai hubungan (suami isteri) boleh dipertimbangkan.
- Tempoh sah laku surat kelulusan hanya dua tahun sahaja daripada tarikh surat kelulusan.
- Maklumat penuh boleh merujuk Garis Panduan Perolehan Hartanah oleh Warganegara Asing Negeri Selangor

Sumber : Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2014



27 Jul 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: Asmah Rusman • Section: Setempat • Page: 12 • Printed Size: 479.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 18,797.00
PR value: MYR 56,391.00 • Item ID: MY0026594799



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

27-07-2016

MAMBANG TANAH

Taktik pendatang Indonesia bina penempatan

Bermula dengan hanya menyewa rumah warga tempatan, kini beberapa kawasan di Selangor sudah bertukar menjadi perkampungan pendatang warga Indonesia. Sebaik dibenarkan menyewa, mereka akan membesarkan rumah diduduki dan membawa lebih ramai sanak-saudara tinggal. *lapor Asmah Rusman dan Asrizal Aris > 10&11*

LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.



27 Jul 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 41 • Printed Size: 79.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,823.08
PR value: MYR 5,469.24 • Item ID: MY0026595192



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

RM59 juta ganti paip usia 30 tahun

Kuala Lumpur: Sejumlah RM59 juta diperuntukkan untuk kerja penggantian paip lama di beberapa lokasi membabitkan jarak sejauh 59.5 kilometer.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, langkah penggantian perlu dilakukan berikutan kebanyakan paip yang ada sekarang sudah mencecah usia le-

bih 30 tahun.

“Semua kerja pertukaran paip lama ini akan dilaksanakan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor),” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan pelancaran Projek Penggantian Paip Air Lama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya di Taman Melawati, di sini, semalam.

Mohamed Azmin berkata, kerja penggantian itu akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka selesai hujung tahun ini.

“Kawasan terbabit adalah Bandar Rincing Seksyen 2, Bandar Rincing Seksyen 5, Country Heights Semenyih, Taman Melawati, Gombak Setia, Taman Seri Gombak, Jalan Meru, Persiaran Kayangan,

Kampung Tasik Permai, Brickfields, Kampung Cheras Baru dan Bandar Tun Razak,” katanya.

